

## Pemberontakan Weston 1962

Amy Azuan Abdullah<sup>1</sup> & Aping Sajok<sup>2</sup>

**Manuskip diterima:** 9 September 2017

**Diterima untuk penerbitan:** 4 Disember 2017

<sup>1</sup> Calon Sarjana di Program Sejarah, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah. E-mail: Amy\_azuan@yahoo.com

<sup>2</sup> Calon Sarjana di Program Sejarah, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah. E-mail: apingsajok@ymail.com

### **Abstract**

*The study of the Weston Rebellion focuses on the events that took place in the 1962 series of Tunku Abdul Rahman's proposed formation of Malaysia. The rebellion was triggered by A.M. Brunei People's Party (RB). Azahari and received support from Weston, Sabah. The study wanted to clarify the event from the origin of the conflict and the situation in Sipitang-Weston and Brunei chronologically. The study of this event is less prominent in the history of Sabah, as one of the reactions to the formation of Malaysia. The study relies on primary sources, such as newspapers and several sources of investigation reports. The study also uses oral history to obtain valid information about the reality of this event, especially the proto-involved witnesses, whether in favor of the National Army of North Borneo (TNKU) or the government. In summary, this rebellion is rooted in the event of the Brunei Revolt on 8 December which eventually gave the Sultan of Brunei an opportunity to uphold the absolute monarchy and deny the formation of Malaysia.*

**Keywords:** North Borneo, Weston Rebellion, Brunei Revolt

---

### **Abstrak**

Kajian mengenai Pemberontakan Weston memfokus peristiwa yang berlaku pada tahun 1962 rentetan daripada cadangan pembentukan Malaysia oleh Tunku Abdul Rahman. Pemberontakan ini dicetuskan oleh Partai Rakyat Brunei (PRB) pimpinan A.M. Azahari dan mendapat

sokongan daripada kawasan Weston, Sabah. Kajian ini ingin menjelaskan peristiwa tersebut daripada asal mula konflik dan situasi yang berlaku di Sipitang-Weston dan Brunei secara kronologi. Kajian mengenai peristiwa ini kurang ditonjolkan dalam penulisan sejarah Sabah, sebagai salah satu reaksi terhadap pembentukan Malaysia. Kajian bergantung terhadap sumber primer, seperti akhbar dan beberapa sumber laporan siasatan. Kajian ini turut menggunakan sejarah lisan untuk mendapatkan maklumat yang sahih tentang realiti peristiwa ini, terutamanya saksi proto yang terlibat, sama ada berpihak kepada Tentera Nasional Kalimantan Utara (TNKU) atau pihak kerajaan. Ringkasnya, pemberontakan ini berakar umbi dari peristiwa Pemberontakan Brunei pada 8 Disember yang akhirnya memberi peluang kepada Sultan Brunei untuk menegakkan monarki mutlak dan menafikan pembentukan Malaysia.

**Kata Kunci:** Borneo Utara, Pemberontakan Weston, Pemberontakan Brunei

---

### **Pengenalan**

Weston merupakan sebuah pekan kecil yang terletak di bahagian Pedalaman Sabah dalam kawasan daerah Beaufort kira-kira 100 kilometer ke selatan Kota Kinabalu. Weston ataupun pada asalnya "*West Town*" mengambil sempena nama seorang Pegawai British A.J. West yang merancang dan membina landasan keretapi dari Beaufort ke Weston. Sebutan orang Brunei yang membunyikan perkataan "*West Town*" sebagai "Weston" akhirnya menjadikan Pekan "*West Town*" menjadi Pekan "Weston" sehingga kini.

Dalam lembaran sejarah, Weston bukan sahaja dikenali sebagai pusat terawal kemasukan Jepun untuk menguasai daerah Beaufort, tetapi turut menjadi sebuah kawasan yang signifikan melalui peristiwa pemberontakan Weston akibat daripada cita-cita A.M. Azahari membentuk Negara Kesatuan Kalimantan Utara (NKKU) menjelang tahun 1962 melalui revolusi 8 Disember 1962 di Brunei. Oleh yang demikian, makalah ini akan memfokuskan peristiwa pemberontakan Weston 1962 yang berlaku dengan menilai perkembangan awal peristiwa melalui asal mula konflik di Sipitang-Weston sehinggalah semasa tercetusnya Revolusi 8 Disember dengan melihat rentetan situasi yang berlaku di Brunei, kronologi pemberontakan Weston sehinggalah kegagalannya.

### **Asal Mula Konflik**

Susur galur konflik yang berlaku bolehlah diringkaskan berpunca daripada kegagalan cita-cita A.M. Azahari bagi membentuk sebuah Negara Kesatuan Kalimantan Utara (NKKU) meliputi Brunei, Sabah dan Sarawak. Keadaan ini tidak menghairankan memandangkan cadangan menyatukan Brunei, Sabah dan Sarawak sebenarnya pernah diusulkan seawal tahun 1887 oleh Lord Brassey selaku salah seorang Ahli Lembaga Pengarah BNBC (British North Borneo Company). Namun, penyatuan ini hanya berasaskan alasan menjaga kepentingan ekonomi British semata-mata sahaja.<sup>1</sup> Idea ini kemudiannya muncul semula pada tahun 1930 dan tahun 1944-1945 namun akhirnya turut tidak mendapat sambutan akibat beberapa faktor seperti pergolakan politik yang berlaku di Semenanjung Tanah Melayu melalui gerakan anti-Malayan Union.<sup>2</sup> Cadangan “Persekutuan Borneo Utara” kemudiannya muncul semula sekitar bulan Februari 1958 melalui cadangan Gabenor Sarawak dan Borneo Utara (Sabah) menyeru untuk menyatukan ketiga-tiga wilayah di Borneo British (Brunei, Sarawak, Sabah) dalam satu bentuk ikatan politik negara persekutuan.<sup>3</sup>

Melalui Partai Rakyat Brunei (PRB)<sup>4</sup>, pelbagai usaha dilakukan bagi merealisasikan hasrat membentuk NKKU dengan harapan kekuasaan dan kedaulatan Sultan Brunei, selaku pewaris kuasa politik di Kalimantan Utara (Sarawak dan Sabah) dikembalikan mengikut tuntutan sejarah dan lunas demokrasi. Dengan pengumuman cadangan pembentukan Malaysia (Peskutuan Tanah Melayu, Brunei dan negeri-negeri jajahan British di Kalimantan Utara) seawal tahun 1960 sehingga Mei 1961 oleh Tunku Abdul Rahman, kegusaran PRB mulai memuncak dengan alasan bahawa tidak ada logiknya jika Sarawak, Brunei dan

<sup>1</sup> Zaini Ahmad, Gerakan Kebangsaan di Brunei 1939-1963, *Tesis Kedoktoran*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2000, hlm. 77.

<sup>2</sup> *Ibid.*, hlm 77-80.

<sup>3</sup> *Ibid.*, hlm. 163.

<sup>4</sup> PRB pada mulanya ditubuhkan sebagai cabang Partai Rakyat Malaya (PRM) pada 11 November 1955 dan PRB hanya cuba didaftarkan sebagai parti politik pada 21 Januari 1956. Keterangan lanjut mengenai latar belakang PRB, sila lihat Zaini Ahmad, *op.cit.*, hlm. 119-160. Lihat juga Prasetyo, Pergerakan Pemuda di Brunei Darussalam (1946-1962), *Tesis Sarjana*, Indonesia: Universitas Indonesia, 2011, hlm. 25-32.

Sabah disatukan dengan Persekutuan Tanah Melayu (PTM) yang sudah hampir tiga tahun mencapai kematangan politik.<sup>5</sup>

Isu utama PRB menolak cadangan ini adalah disebabkan oleh kesangsian terhadap isu ketuanan dan kedaulatan Kesultanan Melayu Brunei di seluruh Kalimantan Utara yang akan didominasi oleh PTM dari sudut politik, ekonomi dan sosial.<sup>6</sup> Malangnya, Sultan Brunei di peringkat awal lebih berminat menerima cadangan pembentukan Malaysia berbanding NKU yang didorong salah satunya melalui PRB pimpinan A.M. Azahari. Usul yang diperjuangkan oleh PRB bagi menolak cadangan Malaysia pada akhirnya menemui jalan buntu apabila undian penolakan cadangan tersebut tidak disokong oleh Majlis Mesyuarat Negeri di Brunei. Hal tersebut menyebabkan A.M. Azahari menyatakan pendirian mendesak penolakan cadangan pembentukan Malaysia melalui perjuangan terbuka atau radikal berdasarkan penubuhan Tentera Nasional Kalimantan Utara (TNKU)<sup>7</sup> yang merebak ke seluruh Brunei, Sarawak dan Sabah melalui kemuncak Revolusi Disember 1962.<sup>8</sup>

### **Situasi di Sipitang-Weston**

Situasi awal berkenaan kekacauan yang berlaku mula dihidu pada awal bulan Mac 1962 oleh Polis Cawangan Khas Borneo Utara (Sabah).

---

<sup>5</sup> Zaini Ahmad, *op.cit.*, hlm. 239-243.

<sup>6</sup> *Ibid.*, hlm. 251; Lihat juga Sabihah Osman, Muhamad Hadi Abdillah dan Sabullah Sakip, *Sejarah Brunei Menjelang Kemerdekaan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995, hlm. 184-210; Harun Abdul Majid, *Rebellion in Brunei: The 1962 Revolt, Imperialism, Confrontation and Oil*, London: I.B. Tauris, 2007; Harun Abdul Majid, "The Brunei Rebellion: December 1962, The Popular Uprising", *Paper Work*, London: King's College, 2008; Nicholas Van Der Bijl, *The Brunei Revolt, 1962-1963*, London: Pen & Suward Military, 2012.

<sup>7</sup> Nama Tentera Nasional Kalimantan Utara (TNKU) mula digunakan atas cadangan A.M. Azahari dalam satu pertemuan khas di Wisma Veteran, Puncak Bogor pada pertengahan Oktober 1961. Ahlinya terdiri dari A.M. Azahari selaku pemimpin, Setiausaha Agung PRB, Jasin Affandy, Ketua Biro Ekonomi, Ketua Jabatan Sosial dan ketua cabang salah satunya, Ketua Cabang Kuala Belait. Kebanyakan ahli yang direkrut adalah dari daerah Bumi Kedayan, Kampung Limau Manis dan Temburong. Ahlinya dihantar ke Kalimantan Timur dan Jakarta untuk menjalani latihan perang gerila. Di Sarawak, kebanyakan ahli adalah dalam kalangan pribumi Sarawak dan Brunei khususnya dari kawasan Lawas. Tambahan lagi, seramai 200 orang pemuda Sarawak dipercayai ke Indonesia-Borneo untuk menyertainya. Lihat keterangan lanjut dalam Zaini Ahmad, *op.cit.*, hlm. 305-308; "Kalimantan Utara National Army in Sarawak", *North Borneo News and Sabah Times*, 4 Disember 1962.

<sup>8</sup> Rujuk keterangan lanjut dalam Zaini Ahmad, *op.cit.*, hlm 289-388.

Melalui penjelasan yang diberikan oleh Mr. R. N. Turner selaku Ketua Setiausaha Polis pada awal Mac 1962 membuktikan bahawa terdapat penglibatan secara berkumpulan dari 20 hingga 50 orang yang melakukan perjalanan dari Brunei dan divisyen lima Sarawak merentasi Borneo melalui pelbagai laluan untuk ke Indonesia-Borneo.<sup>9</sup> Sebelumnya, pada bulan Januari dan Mei 1962, terdapat permohonan pertubuhan politik baharu iaitu Angkatan Desa Bersatu (ADB) di Labuan dan Angkatan Raayat Anak Sabah (ARAS) di Sipitang yang dipercayai mempunyai hubungan rapat dengan Partai Rakyat Brunei (PRB). Dakwaan ini dipercayai disebabkan oleh rekaan bendera ADB yang sama seperti bendera PRB manakala ARAS pula dikesan mempunyai kaitan dengan PRB disebabkan oleh penubuhannya dilakukan setelah seramai 40 orang ahli kembali ke Sipitang dan dipercayai mendapat nasihat di Brunei melalui PRB.<sup>10</sup> Permohonan ADB pada mulanya ditolak mengakibatkan ADB terpaksa memohon semula dengan menggunakan terma peraturan dan matlamat yang baru. Walau bagaimanapun, kedua-dua pertubuhan ini masih disiasat sehingga penghujung November 1962.<sup>11</sup>

Pada awal September 1962, siasatan oleh cawangan khas telah menjumpai 23 bilah senapang patah dan senjata lain di Kampung Lubuk, Weston. Siasatan tersebut walau bagaimanapun gagal menemui sebarang maklumat kerana keengganahan penduduk kampung memberikan kerjasama. Selanjutnya, pada 14 November 1962, cawangan khas menemui sejumlah senjata di Sipitang dan sempadan Sarawak tetapi gagal mendapatkan maklumat lanjut mengenainya. Keadaan tersebut telah mengakibatkan *Police Mobile Force* dihantar ke Sindumin untuk melakukan kawalan di kawasan sempadan. Pada penghujung bulan November 1962, maklumat risikan mendapati terdapat sejumlah pemuda suku Brunei dari Brunei membeli pakaian seragam hijau tentera (celoreng), *army webbing haversacks* dan sarung pisau. Keadaan ini diburukkan lagi apabila pada 25 November 1962, sebanyak sepuluh orang individu ditahan di Sarawak dipercayai sebagai anggota TNKU

<sup>9</sup> "Chief Secretary Makes Statement on Brunei Situation", *North Borneo News and Sabah Times*, 12 Disember 1962, hlm. 6.

<sup>10</sup> *Ibid.* hlm. 6.

<sup>11</sup> *Ibid.* hlm. 6.

yang lengkap bersama-sama jaket yang dipercayai mempunyai ilmu kebal, azimat serta terdapat rancangan untuk menyerang beberapa stesen polis khususnya di Lawas dan Sindumin untuk merampas senjata.<sup>12</sup> Keadaan ini telah membawa kepada kemasukan lebih banyak lagi *Mobile Force Police* di Sindumin dan Lawas untuk mengawasi kawasan sempadan.

Sepuluh orang ahli TNKU yang ditahan terdiri daripada sembilan orang Melayu (Brunei) dan seorang ahli yang berbangsa Cina. Mereka disabit kesalahan di bawah peruntukan “*Societies Ordinance*”. Kegiatan mereka dikesan beberapa minggu sebelum insiden pemberontakan Weston berlaku dan aktif menjalankan latihan ketenteraan di Lawas dan sempadan Borneo Utara. Kegiatan militari ini termasuklah penyeludupan senjata api di antara Brunei dan Indonesia serta Sarawak. Gerakan TNKU atau turut digelar sebagai ahli ‘*liberation army*’ ini bertujuan untuk memisahkan wilayah Borneo dari pemerintahan koloni British.<sup>13</sup> Lanjutan daripada itu, pihak kerajaan mengambil inisiatif untuk mengharamkan TNKU dan pertubuhan parti seperti ARAS dan ADB yang diisyiharkan sebagai “*unlawful societies*”. Arahan telah dikeluarkan untuk menghalang ahli-ahli ini daripada memakai pakaian seragam, *emblem* di tempat awam, mesyuarat atau mana-mana perhimpunan.<sup>14</sup>

### **Situasi di Brunei**

Kekacauan di Brunei bermula pada 8 Disember 1962 apabila TNKU menumpukan serangan dan menakluk Seria serta beberapa bandar di Brunei. TNKU turut menyerang istana Sultan Brunei namun mendapat tentangan hebat daripada pengikut setia Sultan. Seria merupakan tumpuan utama dalam pemberontakan ini memandangkan telaga minyak Seria menghasilkan sehingga empat juta minyak mentah setahun dengan anggaran keuntungan sehingga 25 juta. Seria merupakan industri major dengan keluasan sehingga 2226 batu persegi yang membawa keuntungan dan kemewahan kepada Sultan dan 83 900 rakyatnya pada ketika itu. A.M. Azahari dalam satu kenyataan akhbar ketika di Manila

<sup>12</sup> *Ibid.*

<sup>13</sup> “Kalimantan Utara National Army in Sarawak”, *North Borneo News and Sabah Times*, 4 Disember 1962.

<sup>14</sup> “Armed Rebellion in Brunei, Weston Recaptured From Rebels, 60 Held: Arms and Ammunition Seized”, *North Borneo News and Sabah Times*, 10 Disember 1962.

menyatakan bahawa beliau sangat serius dengan tindakan melumpuhkan Seria dan beberapa kawasan di Brunei dan akan menakluk Seria jika berlaku campur tangan tentera British. Menurutnya;

*The Sultan of Brunei is in our hands. We have half a battalion protecting the Sultan and if we have to retreat we have arranged a hide out of Sultan. But if British persist in attacking him, the rebels would definitely destroy the Shell oil installation in Seria. We have planted bombs. I will never give the oilfields back to the British.<sup>15</sup>*

Kekacauan di Brunei telah mengakibatkan pelbagai bantuan ketenteraan dikerahkan. Salah satunya melalui bantuan pasukan tentera British dari Singapura untuk mengukuhkan Unit Gurkha ke Brunei. Lima buah *British Royal Air Forces* dengan pasukan tentera dan peralatan militari berlepas dari Singapura ke Brunei yang membawa 500 orang tentera. Pasukan ini termasuklah bantuan dari unit *British Navy* dan pasukan dari Kota Belud. Pada 10 Disember 1962, pasukan tentera dan polis telah berjaya mengambil alih semula Brunei termasuklah beberapa kawasan lain di Sarawak seperti balai polis Tutong. Pasukan *North Borneo Mobile Force* juga merupakan pasukan yang pertama sekali sampai ke Brunei ketika kekecohan berlaku. Pasukan ini diketuai oleh Chief Inspektor Mohd Yusop bin Din Mohd dan P.C. Bitti yang diterbangkan ke Brunei dari Jesselton pada 8 Disember 1962 melalui *Malayan Airways* and *Royal Air Force*. Salah satu pertempuran yang berlaku di lapangan terbang mengakibatkan P.C. Bitti dan salah seorang anggota berpangkat koperal terbunuh.<sup>16</sup>

### **Kronologi Peristiwa: Pertempuran TNKU dan Pasukan Polis**


TNKU Weston ditubuhkan setelah mendapat nasihat daripada wakil PRB yang datang ke kampung Lubuk. TNKU Weston kemudiannya diketuai oleh Lettenan Mokti dan Sarjan Mejar Othman Ismail dan beberapa orang rakan yang telah diantar ke Kuala Belait, Brunei untuk menjalani latihan ketenteraan selama dua minggu. Kelengkapan seperti senjata, pakaian seragam dan bom buatan sendiri telah diberikan sebelum kembali ke Weston untuk merekrut anggota dan menuntut ilmu

<sup>15</sup> "Azahari for United Nations", *North Borneo News and Sabah Times*, 9 Disember 1962.

<sup>16</sup> "P.C. Bitti Killed in Action", *North Borneo News and Sabah Times*, 10 Disember 1962.

persilatan dan ilmu kebal dari seorang berbangsa Timor bernama Omar.<sup>17</sup> Pada 7 Disember 1962, Sarjan Mejari Othman Ismail bergerak dari kampung Lubuk setelah menerima arahan dari Pusat untuk mengetuai sebuah pasukan TNKU bagi menawan dan menyerang balai polis Weston yang pada ketika itu hanya dikawal oleh seorang anggota polis bernama Awang Tengah. Beliau ditawan dan diikat manakala senjatanya jenis *greener shotgun* telah dirampas. Malahan, kesemua senjata seperti senapang telah dirampas oleh pihak TNKU Weston.<sup>18</sup>

**Foto 1 : North Borneo Mobile Force (Platun No.1) yang Terlibat dengan Pertempuran di Brunei.**



(Arkib Negeri Sabah (ANS), Mikrofilem, *North Borneo News and Sabah Times*, 1962.)

Peristiwa kekacauan telah dilaporkan pada pagi Sabtu (8 Disember 1962) menyebabkan dua pasukan kecil dihantar melalui keretapi atas arahan Komander Bahagian Pedalaman bernama Ross. Sementara itu, Penolong Pegawai Daerah Sipitang bernama Parry telah bergegas dari Sipitang-Weston melalui laluan air sebagai ketua pasukan kecil. Setibanya di Wharf, mereka diserang mengakibatkan pasukannya terpaksa berundur dan bergegas semula ke Sipitang untuk mendapatkan bantuan.<sup>19</sup> Pada masa yang sama, sebuah pasukan kecil melalui laluan

<sup>17</sup> Temu bual bersama Othman Ismail selaku mantan ahli TNKU Weston bertempat di kediaman beliau, Kampung Lubuk, Weston oleh pasukan penyelidik *Sabah Historical Research and Preservation Group*, Oktober 2015.

<sup>18</sup> Temubual Othman Ismail, Oktober 2015.

<sup>19</sup> "Recapture of Weston: Full Account", *North Borneo News and Sabah Times*, Selasa, 11 Disember 1962.

darat juga dikerahkan dan berlaku pertempuran di antara pasukan polis dan TNKU Weston melalui pimpinan Sarjan Mejari Othman Ismail. Beliau beberapa pengikut TNKU Weston seperti Rahman Ismail, Idris Matasan, Lamit Ajak, Jipun Besar dan Tassim Jaffar telah menduduki salah satu kawasan di Lingkungan untuk membuat serangan terhadap pasukan polis. Serangan bermula seawal jam sembilan pagi setelah TNKU Weston menyedari kehadiran sebuah kenderaan Land Rover Polis membawa pasukan *North Borneo Mobile Force* seramai enam kelapan orang. Pertempuran berlangsung sehingga 30 minit berakhir tanpa kedua-dua pihak mengalami kecederaan.<sup>20</sup>

Pertempuran ini mengakibatkan Sarjan Mejari Othman Ismail berundur seorang diri dan bergerak ke Limbang untuk memohon bantuan dari Pusat Tentera TNKU. Setibanya di Limbang, beliau diarah untuk bergerak ke balai Polis Limbang yang ditawan dan telah diberikan senjata dan bantuan seramai 20 anggota TNKU berbangsa Iban Sarawak untuk kembali ke Weston. Walau bagaimanapun, sekembalinya ke Weston, beliau mendapati kebanyakannya ahli TNKU Weston telah ditangkap mengakibatkan beliau mengarahkan 20 anggota TNKU dalam kalangan orang Iban untuk kembali semula ke Limbang. Pasukan Polis yang dikerahkan ke kampung Lubuk berjaya menangkap lebih 60 orang tawanan suku Brunei dan dibawa melalui keretapi ke Beaufort.<sup>21</sup> Pada 9 Disember 1962, pasukan polis melakukan operasi serampang dua mata melalui laluan sungai dan darat dari Weston ke Sipitang. Laluan sungai diketuai oleh mantan Komander Bahagian Pedalaman iaitu Davis sementara Ross pula mengetuai pasukan darat. Tujuannya adalah untuk mengesan saki-baki pemberontak yang dilaporkan cuba melarikan diri ke Sipitang dan Sindumin melalui laluan kampung Lubuk. Dalam operasi ini, seramai 21 orang ditahan di Ulu Sipitang dengan kawalan Pembantu Pegawai Daerah Sipitang iaitu E.O. Plinkeet. Ini menjadikan jumlah tahanan mencecah telah sehingga lebih 80 orang.<sup>22</sup>

<sup>20</sup> Temubual Othman Ismail, Oktober 2015.

<sup>21</sup> Temubual Othman Ismail, Oktober 2015.

<sup>22</sup> "Recapture of Weston: Full Account", *North Borneo News and Sabah Times*, Selasa, 11 Disember 1962.

### Kegagalan Pemberontakan Weston dan Reaksi Parti Politik Sabah

Secara keseluruhannya, seramai 144 orang ahli daripada 200 orang pemberontak telah ditangkap. Dua daripadanya disahkan mati manakala selebihnya tidak dapat dipastikan. Berdasarkan maklumat yang didapati melalui saksi yang terlibat dengan pemberontakan Weston, kematian anggota pemberontak sebenarnya dalam angka yang besar dan sebahagian daripadanya turut mlarikan diri ke Kuala Mengalum.<sup>23</sup> Beberapa dalang utama seperti Sarjan Mejar Othman Ismail didakwa dan didapati bersalah atas kesalahan merompak, memiliki senjata api tanpa permit dan mencetuskan huru-hara oleh Mahkamah Tinggi Kerajaan seterusnya dijatuhkan hukuman penjara selama lima tahun dan tiga tahun ke atas ahli pemberontakan yang lain. Beliau merasa tertipu dengan dengan pegawai British yang menjanjikan pengampunan menyebabkan beliau akhirnya mlarikan diri dari penjara Kepayan selepas setahun tempoh penjara. Beliau menuju ke Soloo (Mindanao) dan tinggal selama dua tahun di sana. Namun, kehidupan yang lebih teruk berbanding Sabah mengakibatkan beliau akhirnya mengambil keputusan kembali dan menyerah diri di Labuan mengakibatkan hukuman penjara selama lima tahun dikenakan kembali ke atas beliau.

Ringkasnya, kegagalan pemberontakan Weston boleh disimpulkan berpuncu daripada kekurangan latihan dan peralatan militari. Meskipun anggotanya diberikan latihan khas, keadaan ini gagal memberi manfaat kepada anggota TNKU Weston yang tidak mempunyai asas perperangan, ketidakcekapan menggunakan senjata, kehabisan peluru dan tidak mendapat bantuan tenaga tentera TNKU yang mencukupi semasa huru-hara berlaku di Weston. Tambahan lagi, kelemahan terhadap sistem militari yang diterapkan dalam kalangan anggota TNKU Weston adalah apabila sistem pangkat yang digunakan akhirnya mengakibatkan masalah kecelaruan dan kekeliruan tugas semasa pemberontakan berlaku. Anggota TNKU Weston yang terlibat menjawat pangkat terendah bermula dari Koperal, Sarjan dan Inspektor dan ini membawa kepada musibah pada akhirnya apabila tiada ahli yang

---

<sup>23</sup> Temu bual bersama, Jeffri Mohd Asi, mantan anggota *Mobile Force Police* tahun 1962, 71 tahun, 12 Januari 2016 bertempat di kediaman anak lelaki beliau, Shari Bin Jefri, 46 tahun, Taman Hilltop Luyang, Sabah.

bersedia sepenuhnya untuk menjadi infantri semasa pemberontakan berlangsung.<sup>24</sup>

**Foto 4: Penangkapan Ahli TNKU Weston yang Dibawa ke Beaufort Menggunakan Keretapi**



(Arkib Negeri Sabah)

**Foto 5: Penangkapan Ahli TNKU Weston**



(Arkib Negeri Sabah)

Matlamat dan tindakan A.M. Azahari mengundang pelbagai reaksi setempat khususnya dalam kalangan pemimpin politik Sabah. Malahan, desakan dan kecaman terhadap segala tindakan Azahari dalam menyebarkan pengaruhnya di Sabah sentiasa mengundang reaksi negatif sebelum berlakunya Revolusi 8 Disember di Brunei sehingga selepas tamat Pemberontakan Weston yang berlangsung dari 7 hingga 9 Disember 1962. Parti Perikatan Sabah melalui USNO, UNKO, Borneo Utara National Pasok Momogun dan *Sabah Indian Congress* menyelar

<sup>24</sup> Temubual Jeffri Bin Mohd Asi, Januari 2016.

tindakan A.M. Azahari dan parti pimpinan beliau iaitu PRB. Resolusi bersepakat melabel A.M. Azahari dan pengikutnya sebagai “*the enemy of the people of Sabah*”.<sup>25</sup> Sebelumnya, UNKO sudah mengeluarkan satu resolusi berkenaan situasi tersebut kepada tiga, iaitu;<sup>26</sup>

- i. *That the UNKO should inform the government of Sabah and Request the Sabah Government to convey Her Majesty Government that the UNKO expects the United Kingdom government will not shirk its responsibilities to protect the lives and property of the people of Sabah.*
- ii. *That the UNKO fully supports all the action taken by the government to put down the rebellion in Weston and will support the government in all actions taken against aggression.*
- iii. *The UNKO urges the government to receive as soon as possible the North Borneo volunteer forces so as to allow all able-bodied men in the country to take part in the defence of Sabah.*

### **Kesimpulan**

Kesimpulannya, pemberontakan Weston yang berlaku sememangnya merupakan salah satu daripada sisipan peristiwa hasil cita-cita besar A.M. Azahari terhadap cadangan membentuk NKKU. Melalui pengaruh PRB dan pergerakannya di Sabah, ideologi dan kesefahaman mudah menular dalam kalangan pengikutnya yang tertumpu di kawasan Weston. Dengan tertubuhnya TNKU selepas penolakan usul Azahari di Brunei, gerakan ketenteraan cuba dilaksanakan namun pada akhirnya gagal memberi kemenangan kepada pihak Azahari atas beberapa ketidaksediaan infantri dan militari bukan sahaja di Brunei, malahan di Weston. Dengan berakhirnya Revolusi 8 Disember melalui “kekalah total” TNKU, dampak terbesar akhirnya membawa kepada wujudnya negara Brunei Darussalam pada hari ini.

### **Rujukan**

Armed Rebellion in Brunei, Weston Recaptured From Rebels, 60 Held: Arms and Ammunition Seized. *North Borneo News and Sabah Times*. 10 Disember 1962.

---

<sup>25</sup> “SABAPA Condemns Azahari and His Conspirators”, *North Borneo News and Sabah Times*, 12 Disember 1962.

<sup>26</sup> *Ibid.*

- Azahari for United Nations. *North Borneo News and Sabah Times*. 9 Disember 1962.
- Chief Secretary Makes Statement on Brunei Situation. *North Borneo News and Sabah Times*. 12 Disember 1962.
- Kalimantan Utara National Army in Sarawak. *North Borneo News and Sabah Times*. 4 Disember 1962.
- P.C. Bitti Killed in Action. *North Borneo News and Sabah Times*. 10 Disember 1962.
- Recapture of Weston: Full Account. *North Borneo News and Sabah Times*. 11 Disember 1962.
- SABAPA Condemns Azahari and His Conspirators. *North Borneo News and Sabah Times*. 12 Disember 1962.
- Harun Abdul Majid. 2007. *Rebellion in Brunei: The 1962 Revolt, Imperialism, Confrontation and Oil*. London: I.B. Tauris.
- Harun Abdul Majid. 2008. *The Brunei Rebellion: December 1962, The Popular Uprising*. Paper Work. London: King's College.
- Jeffri Mohd Asi. 71 Tahun. Mantan Anggota Mobile Force Police Tahun 1962. Temubual. Taman Hilltop Luyang, Kota Kinabalu, Sabah. 12 Januari 2016.
- Othman Ismail. Mantan Ahli TNKU Weston. Temubual. Kampung Lubuk, Weston. Oktober 2015.
- Prasetyo. 2011. Pergerakan Pemuda di Brunei Darussalam (1946-1962). *Tesis Sarjana*. Indonesia: Universitas Indonesia.
- Sabihah Osman, Muhamad Hadi Abdillah dan Sabullah Sakip. 1995. *Sejarah Brunei Menjelang Kemerdekaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Van Der Bijl, N. 2012. *The Brunei Revolt 1962-1963*. London: Pen & Suward Military.
- Zaini Haji Ahmad. 2000. Gerakan Kebangsaan di Brunei 1939-1963. *Tesis Kedoktoran*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.